

Keberkesanan Program Tazkirah Jumaat Dalam Pemupukan Nilai ESI dan IDART di Kalangan Pelajar Perubatan Wanita: Satu Kajian Tinjauan di Fakulti Perubatan UiTM
(*The Effectiveness of Friday Tazkirah Programme in Fostering ESI and IDART Values Among Female Medical Students: A Study at the Faculty of Medicine, UiTM*)

YUHANIZA SHAFINIE KAMSANI* & AHMAD NAZRUN SHUID

ABSTRAK

Waktu solat Jumaat lazimnya menjadi waktu rehat bagi kaum wanita. Bagi mengisi ruang ini dengan aktiviti bermanfaat, Program Tazkirah Jumaat diperkenalkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Fakulti Perubatan UiTM khusus untuk pelajar perubatan wanita yang tidak terlibat dengan solat Jumaat. Program ini bertujuan memupuk nilai sahsiah dan penerapan nilai-nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity) serta IDART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) dalam kalangan pelajar. Program telah melibatkan 340 pelajar perubatan Tahun 1 hingga Tahun 5. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklum balas, dan data dianalisis secara deskriptif untuk data ordinal. Dapatan menunjukkan majoriti peserta memberikan penilaian positif terhadap pelaksanaan program, bersedia menyertai sesi akan datang serta menggalakkan rakan lain turut serta. Faktor kekitaan melalui pencatatan nombor bilik kediaman dikenal pasti sebagai pemangkin kepada penglibatan aktif pelajar. Kajian turut mencadangkan agar topik tazkirah yang lebih berfokus dan bertema diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan serta impak program pada masa hadapan.

Kata Kunci : Tazkirah, Pelajar Perubatan Wanita, Waktu Solat Jumaat

ABSTRACT

The Friday prayer period is typically designated as a rest time for women. To make this period more meaningful, the Friday Tazkirah Programme was introduced by the Student Affairs Division (BHEP), Faculty of Medicine, Universiti Teknologi MARA (UiTM), specifically for female medical students who are not involved in Friday congregational prayers. The programme aims to nurture moral character and instil the institutional core values of ESI (Excellence, Synergy, Integrity) and IDART (Knowledge, Discipline, Trustworthiness, Diligence, Responsibility) among students. A total of 340 medical students from Year 1 to Year 5 participated in the programme. Feedback was collected through a questionnaire, and data were analysed descriptively for ordinal variables. Findings revealed that the majority of participants provided positive evaluations of the programme, expressed willingness to join future sessions, and encouraged their peers to participate. A sense of belonging, reflected through the recording of hostel room numbers, was identified as a motivating factor contributing to students' active engagement. The study further recommends that future tazkirah sessions adopt more focused and thematic topics to enhance programme effectiveness and overall impact.

Keywords: Tazkirah, Female Medical Students, Friday Prayer Time

PENDAHULUAN

Program bersifat keagamaan merupakan masa yang sesuai untuk pembangunan rohani dan sahsiah dalam kalangan mahasiswa. Tazkirah pada terjemahannya bermaksud sesuatu peringatan agar manusia tidak lalai, dan juga supaya dengan peringatan tersebut seseorang dapat menangkap mesej yang terkandung di dalamnya. Perkataan al-Tazkirah bermaksud peringatan, memberi perhatian, merenung, mengingati dan mengetahui. Aktiviti ini mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti pendidikan dan pengajaran (Imamuddin et al., 2020).

Tazkirah secara asasnya adalah wadah kolektif yang secara langsung memupuk nilai sinergi. Aspek kerjasama dan saling melengkapi di mana semasa tazkirah, setiap pelajar mempunyai peranan tersendiri, dapat membina semangat bekerja dalam pasukan serta menghargai perbezaan kebolehan dan pandangan. Pembangunan jaringan sokongan berterusan melalui jalinan kerjasama sepasukan, membolehkan pelajar membina hubungan rapat yang boleh berkembang menjadi komuniti sokongan akademik, emosi, dan spiritual. Menerusi kajian Bidin et al. (2011) yang meneliti pelaksanaan kelas al-Quran dewasa di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor, didapati bahawa sistem pengajaran dan tarbiah dilaksanakan terhadap peserta daripada pelbagai latar belakang dengan mengambil kira tahap keupayaan masing-masing. Pendekatan ini amat sesuai diaplikasikan kepada kumpulan peserta umum, khususnya apabila program dimulakan dengan sesi saringan bagi menilai tahap keupayaan awal mereka. Namun demikian, sekiranya kumpulan sasaran telah dikenal pasti sebagai terdiri daripada pelajar sesebuah fakulti atau institusi tertentu, keperluan untuk menjalankan saringan tahap sebegini mungkin tidak lagi menjadi keutamaan.

Tazkirah Jumaat merupakan satu inisiatif yang sangat bertepatan khusus untuk pelajar atau pekerja wanita, terutama yang mempunyai masa terluang semasa waktu rehat pada hari Jumaat. Berbeza dengan lelaki yang wajib menunaikan solat Jumaat di masjid, wanita tidak diwajibkan solat Jumaat, menyebabkan mereka mempunyai ruang waktu yang boleh dimanfaatkan secara bermakna. Walau bagaimanapun, penerbitan ilmiah yang meneliti pengisian waktu rehat Jumaat dalam kalangan pelajar atau pekerja wanita masih sangat terhad. Kajian oleh Mansor et al. (2016) melaporkan bahawa remaja wanita di Taman Seri Puteri Cheras dan Baitul Ehsan Selangor terlibat dalam program zikir berbentuk terapi sendiri antara jam 8.30 hingga 10.30 pagi pada hari Jumaat, diikuti dengan sesi tazkirah selepas solat Zuhur. Namun begitu,

sehingga kini tiada rekod atau laporan dalam literatur yang membincangkan bentuk pengisian khusus bagi golongan Muslimah semasa waktu solat Jumaat berlangsung. Ini menunjukkan bahawa kajian yang dipersembahkan di sini adalah sangat relevan.

Beberapa kepentingan tazkirah Jumaat ke atas pelajar wanita dalam konteks ini telah dikenalpasti:

i. Pengisian Rohani dan Pemantapan Akidah

Tazkirah menyediakan ruang untuk pelajar wanita mengisi kekosongan masa dengan aktiviti rohani seperti sesi tadabbur Al-Quran, perbincangan hadith, pembelajaran sirah dan lain lain (Bidin et al., 2011). Ini membantu memantapkan akidah, memperbaiki amalan seharian dan meningkatkan hubungan dengan Allah SWT.

ii. Mengelakkan Aktiviti Tidak Bermanfaat

Masa rehat yang panjang di antara 12.30 tengahari sehingga 2.30 petang tanpa pengisian berpotensi membawa kepada pembaziran masa atau kebarangkalian terjebak dalam aktiviti tidak bermanfaat. tazkirah mengarahkan masa tersebut kepada perkara positif, memanfaatkan masa dengan produktif dan mendidik hati serta minda (Al Busthomi & Junaidi, 2024).

iii. Membangunkan Sahsiah dan Jati Diri

Melalui perkongsian ilmu dan pengalaman semasa tazkirah, pelajar wanita dapat membentuk sahsiah diri yang lebih kukuh, berdaya saing secara positif dan mempunyai jati diri muslimah sejati khususnya dalam menghadapi cabaran akademik dan kehidupan peribadi.

iv. Mengukuhkan Ukhuwah Islamiah

Tazkirah secara universal menjadi platform untuk mempererat hubungan antara peserta, membina jaringan sokongan emosi dan moral sesama pelajar yang berkongsi nilai dan matlamat hidup yang sama, sekaligus mengurangkan tekanan persekitaran pembelajaran.

v. Memberi Ruang untuk Isu Wanita Dibincangkan

Tazkirah membekalkan wanita dengan ilmu dan panduan Islam dalam menangani isu-isu semasa seperti feminisme, hak wanita dalam Islam, cabaran media sosial serta nilai kekeluargaan, membolehkan mereka membuat keputusan yang bijaksana berlandaskan prinsip syarak.

vi. Meningkatkan Kesejahteraan Emosi dan Mental

Dalam suasana tazkirah yang eksklusif, isu-isu seperti keseimbangan akademik dan kokurikulum,

kesihatan mental, dan pembangunan diri boleh dibincangkan dengan lebih terbuka dan mendalam. Ini akan meningkatkan kesejahteraan psikologi, mengurangkan stres, dan membina ketahanan mental di institusi pengajian.

vii. Meningkatkan Motivasi dan Produktiviti

tazkirah yang diadakan pada waktu rehat Jumaat membantu menyuntik semangat baru, menenangkan fikiran dan jiwa, dan memperbaharui niat belajar kerana Allah, seterusnya meningkatkan produktiviti dalam bilik darjah dan mengurangkan kebarangkalian menghadapi tekanan mental.

viii. Persediaan Menghadapi Cabaran Sosial

Dengan pendedahan kepada ilmu Islam kontemporari dan bimbingan berterusan, pelajar wanita akan lebih bersedia menghadapi cabaran sosial moden dan pada masa yang sama tetap berpegang kepada nilai agama.

Selain aspek rohani, sesi tazkirah turut menengahkan aspek pembangunan diri seperti pengurusan masa, kepimpinan, komunikasi berkesan, dan keseimbangan hidup beragama. Ini memberi nilai tambah kepada pelajar dalam membentuk personaliti muslimah unggul.

Konsep iDART adalah berasaskan akronim kepada lima nilai teras yang diperkenalkan oleh UiTM bagi membentuk warga universiti yang berintegriti dan beretika tinggi. Nilai-nilai tersebut adalah ilmu yakni pengetahuan tentang kebenaran yang diperolehi menerusi pembelajaran formal dan tidak formal bagi manfaat diri dan bersama, disiplin yakni menunjukkan komitmen dan ketekunan dalam tugas, amanah yakni bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan jujur berdasarkan kepada kepercayaan yang diberi, rajin yakni tekun dan teliti dalam melaksanakan tugas, serta tanggungjawab yakni melaksanakan tugas mengikut peraturan dan akauntabiliti atas setiap tindakan.

Nilai ESI UiTM pula dikaitkan dengan *Excellence* yakni mengamalkan piawaian kualiti dalaman berkaitan dengan keupayaan, kebolehan dan potensi diri supaya diiktiraf, dirujuk dan dihormati, *Synergy* yakni membudayakan kebersamaan dan keterangkuman yang harmoni dan produktif bagi mencapai hasil berkualiti yang bermanfaat dan berimpak tinggi, serta *Integrity* yakni Menghayati nilai-nilai murni melalui kesedaran, pematuan dan tingkah laku diri secara berterusan untuk mencapai etika profesionalisme yang tinggi.

Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), program bimbingan kerohanian dalam kalangan staf fakulti dan jabatan telah menjadi amalan berterusan

sejak tahun 1990-an melalui pelbagai inisiatif di bawah pelbagai jenama seperti Renungan Jumaat, Program Modal Insan, Tazkirah Jumaat, Program Cinta Ilmu dan Mauizah. Program bulanan ini dikendalikan oleh tenaga pengajar daripada Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM. Topik-topik yang diketengahkan merangkumi aspek syaria, akidah dan akhlak, serta diintegrasikan dengan nilai-nilai teras institusi yang berteraskan prinsip ESI. (Hamdani et al, Pengaruh Nilai ESI Dalam Budaya Kerja Staf Universiti Teknologi MARA: Tinjauan Menerusi Program Mauizah)

Di Fakulti Perubatan UiTM, program tazkirah Jumaat telahpun dimulakan sejak tahun 2021. Barisan penceramah adalah terdiri dari kalangan pensyarah Fakulti Perubatan sendiri, yang sebahagiannya turut mempunyai kelayakan dan tauliah untuk berkongsi ilmu agama. Di antara topik topik yang pernah dikongsikan adalah ‘Tidak Dinamakan Kehidupan Melainkan Ujian’ oleh Profesor Mohd Hamim Rajikin, Perunding Fisiologi dan Kesihatan Reproduksi, Fakulti Perubatan UiTM, ‘The Journey’ oleh Dr Nor Azizah Abu, Pakar Kesihatan Kanak-kanak, Fakulti Perubatan UiTM, ‘A Road to MBBS: The Climb’ oleh Dr Mohamad Ikhsan Selamat, Pakar Perunding Kanan Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan UiTM, ‘Adakah Kita Seorang Muslim Professional?’ Oleh Dr Wan Najwa Wan Mohd Zohdi, Pakar Perubatan Rehabilitasi, Fakulti Perubatan UiTM, dan ‘Muslim & Excellence’ oleh Dr Mohd Shahril Ahmad Saman, Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan UiTM.

Bagi tujuan dapatan ini, program tazkirah Jumaat telah dilaksanakan khusus bagi pelajar wanita Fakulti Perubatan UiTM pada 7, 14 dan 21 Mac 2025 yakni hari Jumaat, di sepanjang bulan Ramadhan. Program telah dijalankan selama satu jam dari 12.30 sehingga 1.30 tengahari, secara atas talian. Ruang masa ini dipilih kerana pelajar lelaki menghadiri solat Jumaat, manakala pelajar wanita lazimnya tidak mempunyai pengisian khusus. Program ini juga telah dilaksanakan secara atas talian dengan mengambil kira keberadaan pelajar Perubatan UiTM yang menjalani pengajian sama ada di kampus Fakulti Perubatan Sungai Buloh, Fakulti Perubatan UiTM Selayang, Fakulti Perubatan UiTM Teluk Intan atau di Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM Puncak Alam.

Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan ruang pengisian rohani yang dapat membentuk karakter muslimah sejati berasaskan nilai-nilai ESI dan IDART. Nilai-nilai ini seiring dengan aspirasi universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik tetapi juga beretika, bertanggungjawab dan mempunyai kekuatan rohani.

METADOLOGI

Kajian ini menggunakan reka penyelidikan deskriptif (ordinal) dan kualitatif bagi mendapatkan data. Persampelan dijalankan kalangan pelajar perubatan wanita UiTM selama tiga minggu, di mana program tazkirah diadakan setiap hari Jumaat. Persampelan melibatkan kumpulan sasaran tertentu bagi mendapatkan maklumat seperti diinginkan oleh pengkaji (Ahmad Mahdzan 2005) menggunakan borang soal selidik atas talian.

Populasi/sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar perubatan wanita Tahun 1 hingga Tahun 5 di Fakulti Perubatan

UiTM. Sampel kajian adalah seramai 340 pelajar yang menghadiri program tazkirah dan bersetuju untuk menyertai survey.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah set soalan kaji selidik yang direka untuk mendapatkan pandangan pelajar mengenai keberkesanan program. Di akhir setiap program, pelajar diberikan pautan soal kaji selidik. Soalan kaji selidik secara amnya merangkumi: penilaian keseluruhan program, aplikasi topik topik yang disampaikan ke atas pengayaan nilai ESI dan IDART sebelum dan selepas program dan juga cadangan penambahbaikan.

JADUAL 1. Contoh soalan soalan

Nama	Perincian
Tahun pengajian:	
Nombor bilik kolej kediaman:	
Nyatakan keberkesanan pihak penganjur dalam mengendalikan program ini.	Skala Likert 1-5 (sangat tidak memuaskan, tidak memuaskan, neutral, memuaskan, sangat memuaskan)
Adakah program ini dapat memupuk semangat anda untuk berusaha meningkatkan kecemerlangan diri?	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan nilai Kecemerlangan (Excellence) di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Adakah program ini dapat memupuk semangat anda untuk berusaha meningkatkan semangat bekerjasama di kalangan pelajar?	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan nilai Sinergi (Synergy) di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Adakah program ini dapat memupuk semangat anda untuk memperbaiki integriti di sebagai seorang muslimah?	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan nilai Integriti (Integrity) di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Nilai pandangan anda tentang ilmu, disiplin, amanah, rajin, tanggungjawab sebelum program bermula dan selepas program berakhir.	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan nilai nilai ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Adakah anda akan menghadiri acara serupa pada masa hadapan?	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan minat penyertaan jangka masa Panjang di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Adakah anda akan menggalakkan rakan rakan lain untuk menyertai program ini?	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan pengaruh positif di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.
Nyatakan cadangan penambahbaikan.	Soalan ini dirangka bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan nilai tambah, impak dan implikasi di kalangan responden. Soalan ini memerlukan ulasan responden.

Prosedur Pengumpulan Data:

Data dikumpulkan melalui soal kaji selidik yang dijalankan selama tiga minggu. Pelajar yang menghadiri program tazkirah diberikan set soalan untuk diisi. Kehadiran pelajar juga direkodkan mengikut nombor bilik kolej kediaman untuk menggalakkan semangat kekitaan dan meningkatkan penyertaan secara tidak langsung.

Program berlangsung pada hari Jumaat selama satu jam untuk 3 minggu berturutan.

Penceramah terdiri daripada enam pensyarah dari pelbagai jabatan, yang telah membincangkan pelbagai topik berkaitan pengisian Ramadhan dan kaitannya dengan nilai-nilai ESI dan IDART.

Jangkamasa satu jam adalah dipilih dengan mengambil kira keperluan pelajar wanita untuk menunaikan solat zuhur dan makan tengahari sebelum meneruskan pembelajaran pada jam 2.30 petang.

JADUAL 2. Butiran khusus program

Tarikh	Tajuk dan Penceramah	Jangkamasa
7 Mac 2025	Ramadhan Bekal Akhirat (Dr Nasibah Azme)	30 minit
	Mujahadah Ramadhan (Dr Wan Najwa Wan Mohd Zohdi)	30 minit
14 Mac 2025	Bulan Ramadhan Bulan Tarbiah (Prof Madya Dr Siti Fatimah Badlishah Sham)	30 minit
	Menggapai Sabar (Dr Hayatul Najaa Miptah)	30 minit
21 Mac 2025	Pecutan Terakhir Ramadhan (Dr Awla Mohd Azraai)	30 minit
	Memburu Lailatul Qadar (Dr Aiza nur Izdiyar Zainal Abidin)	30 minit

Analisis Data:

Analisis data dalam kajian ini menggunakan statistik deskriptif untuk memberikan gambaran umum tentang responden dan pandangan mereka terhadap keberkesanan program Tazkirah Ramadhan. Statistik deskriptif yang digunakan termasuk:

i. Peratusan dan Frekuensi:

- Tahun Pengajian: Mengira peratusan pelajar mengikut tahun pengajian (Tahun 1 hingga Tahun 5).
- Keberkesanan Program: Mengira peratusan pelajar yang menyatakan program ini berfaedah, memberi motivasi, dan membantu dalam meningkatkan nilai-nilai ESI dan IDART.
- Kesediaan untuk Menyertai Program di Masa Hadapan: Mengira peratusan pelajar yang bersedia untuk menyertai program ini lagi.
- Kesediaan untuk Menggalakkan Rakan-rakan: Mengira peratusan pelajar yang akan menggalakkan rakan-rakan mereka untuk menyertai program ini.

ii. Maklumbalas am:


- Penilaian Nilai-nilai ESI dan IDART: Menilai perubahan dalam pandangan

pelajar terhadap nilai-nilai Excellence, Synergy, Integrity (ESI), ilmu, disiplin, amanah, rajin, dan tanggungjawab sebelum dan selepas program.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan peratusan pelajar mengikut tahun pengajian, keberkesanan program, dan pandangan pelajar terhadap nilai-nilai ESI dan IDART sebelum dan selepas program. Analisis juga dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan pelajar dalam program ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada 340 responden, 41% adalah pelajar Tahun 1, diikuti 21% pelajar Tahun 4, 19% pelajar Tahun 3, 18% pelajar Tahun 2 dan selebihnya pelajar Tahun 5 (Graf 1). Seperti kebiasaannya, pelajar Tahun 1 dan 2 adalah majoriti peserta di dalam mana mana program kendalian Bahagian Hal Ehwal Pelajar Fakulti Perubatan memandangkan mereka tinggal di kampus di mana lokasi program selalunya diadakan iaitu Fakulti Perubatan Kampus Sg. Buloh. Walaubagaimanapun, kehadiran pelajar Tahun 2 adalah kurang disebabkan ketika itu mereka baharu memulakan cuti semester.




GRAF 1. Pecahan Peratusan Pelajar Perubatan Wanita Fakulti Perubatan UiTM Yang Mengambil Bahagian Dalam Kajian

Daripada dapatan soal selidik juga, kami menyedari bahawa merekod kehadiran pelajar mengikut nombor bilik kediaman, telah meningkatkan jumlah pelajar yang menyertai program ini. Ini kerana pelajar kolej kediaman dikenali dengan semangat kekitaan yang kuat. Maka ahli-ahli bilik akan berusaha memastikan rakan masing-masing menyertai program ini untuk menjaga 'reputasi' kolej kediaman masing-masing. Dapatan ini amat menarik tetapi penting dan telah dikenalpasti sebagai satu elemen wajib dalam

menjawab soal selidik, dan akan diteruskan pada masa akan datang.

Bagi keberkesanan pihak penganjur dalam mengendalikan program ini (Graf 2), 220 (64.7%) pelajar menanda sebagai Skala Likert 5 (amat memuaskan), 105 (30.9%) menanda skala Likert 4 (memuaskan), 14 (4.1%) menanda sebagai skala Likert 3 (neutral), 1 (0.3%) pelajar menanda sebagai skala Likert 2 (tidak memuaskan). Tiada pelajar (0%) yang menanda sebagai Likert 1 (sangat tidak memuaskan).



GRAF 2. Keberkesanan Program Tazkirah Kepada Perubatan Wanita Fakulti Perubatan UiTM Yang Mengambil Bahagian Dalam Kajian

Kajian mendapati, bagi pemupukan nilai nilai Excellence, Synergy, Integrity (ESI), dapatan adalah sangat positif. Terdapat empat ulasan utama oleh responden yang boleh dirumuskan di dalam kajian ini:

- i. Pembangunan nilai teras dalam diri
- ii. Melahirkan insan seimbang dari segi akal, emosi, dan spiritual
- iii. Bersinergi di dalam Kumpulan
- iv. Meningkatkan prinsip integriti.

Bagi pemupukan nilai ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab (IDART) pula, terdapat lima ulasan utama oleh responden yang boleh dirumuskan di dalam kajian ini:


- i. Medium dalam memperkukuh nilai ilmu
- ii. Keazaman untuk lebih berdisiplin
- iii. Amanah dalam menyelesaikan tugas
- iv. Rajin menimba ilmu
- v. Memperbaiki tanggungjawab dalam diri masing masing

Apabila nilai-nilai ini tertanam secara bersepadu, pelajar bukan sahaja cemerlang di bilik kuliah, malah menjadi insan seimbang dan berakhlak tinggi dalam semua aspek kehidupan.

Bagi soalan sama ada pelajar akan menghadiri program ini pada masa akan datang, seramai 333 (98.2%) telah menanda 'Ya' manakala 7 orang telah menanda 'Tidak'. Di antara ulasan di bawah 'Ya' adalah berfaedah, memberi motivasi, belajar ilmu baru dan perkongsian bermakna.

Manakala di antara ulasan di bawah 'Tidak' adalah kerana program lebih sesuai diadakan pada hari lain, dan masa tazkirah yang bertembung dengan sesi 'bed side teaching' di hospital. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan kecil yang menyatakan mereka tidak berhasrat untuk menyertai program sebegini pada masa akan datang. Kami merasakan soalan tersebut perlu diperhalusi lagi, dengan mencadangkan pilihan pilihan yang mungkin menyebabkan mereka tidak berhasrat untuk menyertai program ini lagi. Antara kemungkinan kemungkinan adalah pelajar pelajar ini mungkin ingin meluangkan masa di rumah tanpa melakukan apa apa aktiviti (sekiranya sedang bercuti semester), capaian internet yang lemah, pelajar sedang menghadiri kelas, atau sebab sebab lain.

Bagi soalan sama ada pelajar akan mengesyorkan rakan rakan lain untuk menyertai program ini (Graf 3), seramai 207 (60.9%) pelajar telah menanda sebagai Likert 5 (sangat akan mengesyorkan), 111 (32.6%) menanda likert 4 (akan mengesyorkan), 21 (6.2%) menanda Likert 3 (neutral), manakala 1 (0.3%) menanda Likert 2 (tidak akan mengesyorkan). Tiada pelajar (0%) yang menanda sebagai Likert 1 (sangat tidak akan mengesyorkan). Pelajar pelajar didapati sebilangan besarnya akan menggalakkan rakan rakan lain untuk menyertai program ini.



GRAF 3. Kecenderungan Untuk Mencadangkan Program Kepada Rakan Sebaya

Bagi cadangan penambahbaikan, di antara cadangan yang diterima adalah untuk mengadakan sesi tadabbur, mengadakan kuiz di akhir program bagi mengukur nilai kefahaman topik, mengadakan program secara bersemuka dan memanjangkan sesi program serta sesi soal jawab, mempelbagaikan topik di luar bulan Ramadhan, perkongsian tentang cara meningkatkan kepercayaan terhadap qada' dan qadar sebagai seorang pelajar perubatan, mengaitkan sirah nabi dan bulan Ramadhan, membaca surah Al-kahfi bersama sama, mengadakan program pada waktu malam, dan mengumpul soalan soalan dengan lebih awal untuk mengelakkan pembaziran masa program. Mohd Farid et al. (2008) merujuk kepada pandangan al-Kailani (1986) yang menggariskan lima kaedah utama dalam pengajaran yang boleh dijadikan panduan kepada para pendidik. Lima kaedah tersebut ialah: (i) pemilihan kaedah mestilah selaras dengan objektif pengajaran, (ii) kesesuaian kaedah dengan topik yang diajar, (iii) kesepadanan kaedah dengan tahap usia pelajar, (iv) keupayaan guru dalam mengaplikasikan kaedah yang dipilih, dan (v) peruntukan masa yang mencukupi bagi pelaksanaan kaedah tersebut. Kesemua prosedur ini wajar diambil kira bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan program seumpama ini pada masa hadapan.

Pelajar pelajar juga sedar bahawa tazkirah Jumaat pada bulan Ramadhan juga berkait rapat dengan pemerkasaan nilai nilai ESI dan IDART, di mana bulan ini adalah bulan di mana kita mendidik fizikal dan rohani kita agar terus berusaha menuntut ilmu, berpuasa melatih untuk lebih berdisiplin dalam pengendalian urusan seharian, meningkatkan nilai amanah melalui setiap perbuatan, menggandakan kerajinan dalam urusan akademik dan ibadah, dan juga menjadi ikhlas dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan muslim.

Pendekatan tazkirah yang menggunakan alat bantu mengajar seperti video dan slaid didapati berkesan dalam membantu pelajar mengekalkan fokus, meningkatkan minat, serta mengurangkan kebosanan. Kaedah ini sejajar dengan amalan pengajian agama di Brunei seperti yang dilaporkan oleh Jasni dan Rahman (2022). Walau bagaimanapun, elemen sesi soal jawab dikenal pasti sebagai satu nilai tambah yang signifikan dalam program ini. Melalui pendekatan tersebut, pelajar berpeluang menulis soalan di ruangan 'chat' dalam talian untuk mendapatkan maklum balas secara langsung daripada pensyarah atau penceramah. Pandangan ini berbeza daripada pendekatan Jasni dan Rahman (2022) yang menerapkan teknik "Guru Tidak Tanya Soalan" bagi tujuan mengawal aspek psikologi pelajar, khususnya ketakutan untuk bertanya atau disoal

oleh guru.

Pendekatan tazkirah menurut Imamuddin et al., (2020) boleh diklasifikasikan kepada tiga komponen; (a) aktiviti pengajaran dalam erti pemindahan ilmu daripada orang guru kepada individu yang belum pelajar, (b) aktiviti yang bersifat pendidikan, iaitu merangsang, meneroka, membimbing, memupuk dan membentuk sikap mental serta keperibadian yang berasaskan nilai-nilai murni dan mulia, seperti membentuk sikap jujur, tekun, rajin berusaha, sabar, berdikari dan sebagainya, dan juga (c) aktiviti penyelidikan yang tidak hanya bergantung kepada guru, tetapi turut melibatkan pelajar. Program ini secara jelasnya telah memenuhi ketiga tiga komponen di mana (a) berlakunya pemindahan ilmu daripada pengajar kepada pelajar, (b) pengisian tazkirah yang menekankan bukan sahaja aspek sahsiah bahkan juga penerapan nilai-nilai intipati utama di dalam penilaian sesuatu tindakan iaitu ESI (Excellence, Synergy, Integrity) dan IDART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab), dan juga (c) perbincangan dua hala melalui sesi soal jawab dan perkongsian yang merupakan batu asas kepada penambahbaikan berterusan di dalam hidup seseorang.

Di dalam kajian ini, kehadiran yang tinggi dapat dikaitkan dengan strategi perekodan nombor bilik kolej. Strategi memanfaatkan waktu solat Jumaat untuk pelajar wanita dan rekod kehadiran berdasarkan bilik kolej didapati amat efektif dalam meningkatkan penglibatan pelajar di dalam aktiviti ini. Semangat kekitaan ini telahpun diketahui sangat menebal di kalangan masyarakat Jepun contohnya. Kesetiaan pekerja Jepun terhadap sesebuah organisasi bukan berasaskan ganjaran dan upah semata-mata tetapi berasaskan semangat kekitaan dalam organisasi tempat mereka bekerja. Mereka juga sanggup bekerja lebih masa kerana kesetiaan dan komitmen mereka kepada syarikat. Semangat kekitaan merujuk kepada perasaan kebersamaan, saling menghormati dan bekerjasama dalam kalangan individu dalam sesuatu kumpulan. Semangat kekitaan yang ditonjolkan melalui kajian ini membolehkan para pelajar memupuk sikap saling percaya dan tanggungjawab bersama. Pelajar yang merasa mereka adalah sebahagian daripada komuniti kolej akan lebih komited untuk menyumbang kepada kejayaan kumpulan. Mereka tidak akan mementingkan diri sendiri, malah sanggup berkorban masa dan tenaga demi kebaikan bersama.

Antara cadangan penambahbaikan yang diterima untuk kelangsungan program ini adalah mengadakan sesi tadabbur Al-Quran, kuiz interaktif, bacaan surah Al-Kahfi beramai ramai, dan perkongsian ilmu selepas waktu pembelajaran yakni di awal waktu malam atau selepas berbuka puasa. Para pelajar

didapati bersifat terbuka dalam menyatakan keperluan untuk memperkasakan perkembangan ilmu seperti pemikiran secara rasional dan bijaksana, penekanan terhadap nilai kesederhanaan, kepekaan terhadap isu isu agama serta lebih menghargai ilmu. Program ini memenuhi keperluan pembangunan sahsiah pelajar wanita dalam konteks pendidikan tinggi di dalam profesionalisme perubatan. Program ini juga telah menyuburkan kecemerlangan dari sudut rohani dan akhlak, yang menjadi asas kepada kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar Fakulti Perubatan. Konsep 'belajar adalah sebahagian daripada ibadah' membawa peningkatan motivasi dalaman (intrinsik), lebih bersemangat dan ikhlas dalam menuntut ilmu. Kecemerlangan dalam pengamalan budaya ilmu melatih pelajar untuk mencintai ilmu, berfikir secara kritis dan menyampaikan ilmu kepada orang lain, selari dengan budaya kecemerlangan akademik di fakulti ini.

Dari segi nilai integriti, pelajar dididik untuk berlaku jujur, amanah, dan menjauhi penipuan, termasuk dalam aspek akademik (seperti plagiat dan meniru). Selain itu, nilai integriti juga diterapkan melalui kesedaran sendiri (self-regulation). Ini adalah penting dalam membentuk kesedaran dalaman untuk menjaga prinsip moral walaupun tanpa pemantauan. Tidak ketinggalan integriti bukan hanya tentang diri sendiri, tetapi juga tanggungjawab kepada masyarakat dan institusi (contoh: tidak menyeleweng, menghormati peraturan, dan berlaku adil). Ini adalah penting untuk menurunkan kadar kecuaihan di kalangan para doktor Malaysia yang direkodkan sebanyak 40% oleh Pengerusi Persatuan Pengguna Malaysia, Profesor Datuk Hamdan Adnan (New Strait Times, 23 Februari 2013).

Dapatan ini telah menawarkan tazkirah Jumaat sebagai medan pencarian dan perkongsian ilmu. Aktiviti tazkirah mendorong pelajar mempelajari ilmu agama secara berterusan melalui pembacaan dan diskusi. Satu titik ketenangan akan dapat dicapai di kalangan pelajar pelajar Perubatan yang diketahui mempunyai jadual pengajian yang amat padat dan sering mengalami kekangan masa untuk menumpukan fikiran terhadap hal hal lain selain pelajaran. Ini mengukuhkan kefahaman mereka bukan hanya terhadap ilmu agama tetapi juga dalam mengaitkannya dengan ilmu akademik dan kehidupan harian. Penghayatan terhadap kepentingan menuntut ilmu demi mencapai keseimbangan dunia dan akhirat dapat menanam kefahaman bahawa menuntut ilmu perubatan adalah fardu kifayah dan merupakan jalan menuju redha Allah, seterusnya menjadikan pelajar lebih bersemangat dan bersungguh dalam pembelajaran.

Program ini juga dipercayai telah menerapkan

nilai disiplin, komitmen terhadap kehadiran dan peranan pelajar di dalam tazkirah. Tazkirah dapat melatih pelajar untuk berdisiplin dan hadir secara konsisten, menghormati masa, dan mengambil peranan dalam pengendalian sesi. Ini secara tidak langsung membentuk disiplin sendiri dan keupayaan mengurus masa dengan baik. Pengamalan nilai disiplin dalam amalan harian contohnya tuntutan untuk menjaga ibadah seperti solat, membaca Al-Quran, dan muhasabah diri secara berkala seperti yang digalakkan dalam tazkirah, memperkukuh amalan disiplin dalam kehidupan pelajar secara menyeluruh.

Tazkirah Jumaat telah menekankan bahawa setiap amanah adalah satu bentuk pertanggungjawaban kepada Allah SWT, bukan sekadar kepada manusia. Ini menjadikan pelajar lebih jujur dan telus dalam tugas akademik serta urusan harian. Didikan untuk memikul tanggungjawab dengan jujur dan amanah ternyata daripada pelaksanaan tugas program seperti menjadi pengacara majlis, pencatat, atau penjaga masa. Ini memberi latihan langsung dalam memikul amanah secara ikhlas dan bertanggungjawab.

Nilai rajin pula dijelaskan melalui dorongan terus untuk sentiasa berusaha memperbaiki diri di kalangan pelajar. Aktiviti tazkirah dan refleksi diri di sepanjang program ini mendorong pelajar untuk tidak berpuas hati dengan pencapaian sedia ada, sebaliknya berusaha menjadi lebih baik dari sudut akhlak, ilmu, dan amal. Pembinaan budaya menuntut ilmu dan istiqamah menjadikan pelajar yakin dalam menuntut ilmu, menjadikan pelajar lebih rajin dan tekun dalam menyelesaikan tugas serta mencapai kejayaan di dalam pelajaran.

Di China, penyemaian nilai etika dalam perubatan diajar di dalam kursus yang berasingan manakala dapatan pengkaji melalui buku bertajuk "An International Survey on Medical Ethics Curricula" telah menyimpulkan bahawa di Jepun, pengajian etika perubatan adalah satu komponen yang berlaku semasa latihan perubatan itu sendiri. Manakala dapatan kajian ini mengetengahkan pembentukan warga universiti yang berintegriti dan beretika tinggi dan mempunyai kekuatan Rohani menerusi konsep iDART

Melalui program ini juga, kesedaran terhadap peranan sebagai pelajar muslim yang mempunyai tanggungjawab dapat dipupuk. Melalui pengisian keagamaan, pelajar dididik bahawa mereka bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pencapaian akademik, tetapi juga terhadap pembangunan sahsiah dan imej Islam. Ini juga mendedahkan pelajar kepada isu-isu semasa dan tanggungjawab sosial, membina kesedaran bahawa mereka juga perlu menyumbang kepada masyarakat dengan ilmu, akhlak dan tindakan

yang baik.

KESIMPULAN

Program Tazkirah Ramadhan yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Fakulti Perubatan UiTM telah berjaya memberikan pengisian rohani kepada pelajar perubatan wanita Tahun 1 hingga Tahun 5 yang tidak terlibat dengan solat Jumaat. Nilai iDART dan ESI telah berjaya dipupuk, dan digunakan sebagai panduan penting untuk membentuk pelajar UiTM yang berintegriti, berdaya tahan, dan bersedia menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Dengan menghayati nilai-nilai ini, pelajar akan dapat membina masa depan yang lebih cemerlang dari segi peribadi, akademik dan profesional. Program ini juga berkesan dalam memupuk nilai-nilai positif dan harus diteruskan dengan pendekatan lebih interaktif dan kepelbagaian kandungan. Implikasi positif ke atas pembangunan rohani dan sosial pelajar perubatan wanita harus dijadikan rujukan bagi perancangan program masa hadapan. Program ini juga boleh dijadikan model untuk program-program lain yang bertujuan untuk pembangunan sahsiah pelajar.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana menyediakan fasiliti bagi kajian ini, pelajar perubatan wanita Fakulti Perubatan UiTM yang mengambil bahagian dan pensyarah Fakulti Perubatan UiTM yang terlibat sebagai penceramah.

RUJUKAN

- Ahmad Mahdzan Ayob. 2005. Kaedah penyelidikan sosioekonomi, edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al Busthomi, M. Y., & Junaidi, M. R. (2024). Relevansi Konsep Pendidikan Karakter Menurut Imam Ibnu Jama'ah Dalam Kitab Tazkirah As-Sami' wa' aL-Mutakallim Fi Adab Al-'Alim Wa Al-Muta' Allim Dengan Pendidikan Karakter Di Indonesia. *An-*

natiq Jurnal Kajian Islam Interdisipliner, 4(2), 104-118.

- Bidin, S. N. B. S., Mansor, N. S. A., & Manaf, Z. A. (2011). Pelaksanaan manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 53-70.
- Hamdani, H., Islam, B. H. E., & Akhsan, S. Pengaruh Nilai ESI Dalam Budaya Kerja Staf Universiti Teknologi MARA: Tinjauan Menerusi Program Mauizah (https://www.researchgate.net/profile/Shahrulnizam-Akhsan/publication/376832565_Pengaruh_Nilai_ESI_Dalam_Budaya_Kerja_Staf_Universiti_Teknologi_MARA_Tinjauan_Menerusi_Program_Mauizah/links/658b82902468df72d3db3584/Pengaruh-Nilai-ESI-Dalam-Budaya-Kerja-Staf-Universiti-Teknologi-MARA-Tinjauan-Menerusi-Program-Mauizah.pdf)
- Imamuddin, M., Andryadi, A., & Zulmuqim, Z. (2020). Islamic Education In The Al-Qur'an and Sunnah (Study About the Meaning of Education and Implication for Educator). *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies*, 5(1), 70-83.
- Jasni, N., & Rahman, M. A. (2022). Implementation of Neuro Nadi Method In Al-Qur'an Studies In Brunei: Implementasi Kaedah Neuro Nadi dalam Pengajian Al-Qur'an di Brunei. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(1), 29-34.
- Mansor, N. H., Jodi, K. H. M., & KADIR, F. A. A. (2016). Implementasi ibadah Islam sebagai terapi salah seksual remaja: Kajian terhadap pusat perlindungan wanita terpilih di Selangor. *International Journal of The Malay World & Civilization*, 4(1), 73-84.
- Mohamed, A., Ghanem, M., & Kassem, A. (2012). Knowledge, perceptions and practices towards medical ethics among physician residents of University of Alexandria hospitals, Egypt. *EMHJ* . 935-944.
- Mohamed, M. F., Ismail, Z., & Saad, R. M. (2008). Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam Di Sekolah [Al-Quran Awareness: Reality and Challenges in Islamic Education in Schools]. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 241-253.
- New Straits Times, 23 February 2003.

Yuhaniza Shafinie Kamsani* & Ahmad Nazrun Shuid
Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor,
Kampus Sungai Buloh, Jalan Hospital 47000 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: yuhaniza@uitm.edu.my